

29/10/2000

Pemuda tunggu jawapan Ungku Aziz

Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR: Pemuda Umno masih menunggu keputusan Prof Diraja Ungku Aziz Ungku Hamid berhubung penerimaannya sebagai pengerusi debat bersama Dewan Pemuda Pas sebelum menentukan tarikh dan tempat pertemuan itu berlangsung.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, segala perkara berkaitan debat itu akan hanya dapat ditentukan selepas persetujuan Ungku Aziz diperolehi.

"Semua ini belum dapat ditentukan lagi kerana Ungku Aziz belum membuat sebarang keputusan mengenai perkara ini," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Penyerahan Penajaan Pendaftaran Larian Rakyat 2006 di sini, semalam.

Mengenai kenyataan Ketua Dewan Pemuda Pas, Mahfuz Omar bahawa debat terbabit akan hanya membincangkan isu hak istimewa orang Melayu dan bukan isu lain termasuk isu globalisasi, Islam dalam kehidupan moden dan K-Ekonomi seperti yang dicadangkan beliau sebelum ini, Hishammuddin berkata, isu hak keistimewaan Melayu sudah jelas termaktub dalam Perlembagaan.

"Tetapi kami perlu merujuk perkara ini kepada Prof Ungku memandangkan beliau seorang tokoh yang cukup berkaliiber dan berpengalaman," katanya.

Sebelum ini, beberapa pemimpin termasuk Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menyambut baik cadangan debat antara Pemuda Umno dan Dewan Pemuda Pas.

Malah, dalam kenyataannya pada 7 Oktober lalu, Perdana Menteri berkata debat itu perlu diadakan supaya rakyat tidak terkeliru mengenai isu itu.

Bagaimanapun, beberapa pemimpin Umno termasuk Naib Presidennya, Tan Sri Muhyidin Yassin menasihatkan Hishammuddin agar mempertimbangkan kesan debat antara Pemuda Umno dan Pemuda Pas kepada umat Melayu.

Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat pada awalnya juga menganggap debat itu hanya sia-sia, malah mencadangkan agar ia diadakan pada peringkat pucuk pimpinan parti tetapi kemudian mengubah pendiriannya apabila ramai tokoh pemimpin Pas seperti Presidennya, Datuk Fadzil Noor dan Hadi Awang mahukan debat itu dijalankan.

Hishammuddin berkata, semua pandangan pucuk pimpinan parti akan diambil kira dan debat itu akan diadakan dalam suasana beradab dan matang.

(END)